



PLANMalaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

SIARAN MEDIA

WAWASAN KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN (KWP) DALAM PERANCANGAN BANDAR DAN DESA

PUTRAJAYA, 12 Februari 2019 – YB Tuan Haji Khalid bin Abd Samad, Menteri Wilayah Persekutuan telah menyempurnakan sesi *Luncheon Talk* sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan – Perkongsian Pengalaman Bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam perancangan bandar dan desa dan dihadiri seramai 300 orang tetamu.

Selaras dengan peletakan PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) di bawah portfolio YB Menteri Wilayah Persekutuan bermula pada 19 Oktober 2018, Kementerian mula mengorak langkah memperkasakan peranan, kepentingan dan sumbangan dalam perancangan bandar kepada masyarakat dan negara dengan menyeimbangkan hak-hak individu, keperluan komuniti dengan visi dan matlamat pihak kerajaan melalui PLANMalaysia sebagai peneraju perancangan bandar dan desa ke arah mewujudkan persekitaran yang berkualiti, sejahtera dan mampan.

Majlis pada hari ini juga antara lain telah menyentuh beberapa perkara penting dalam aspek perancangan bandar dan desa di negara ini, antaranya;

A) Sistem Perancangan Semasa:

- i. Penyusunan semula kementerian dan jabatan memberi dimensi baharu kepada arah tuju perancangan bandar dan desa Negara ini di mana Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) kini berada di bawah kawalan KWP manakala Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di bawah KPKT.
- ii. Akta 172 ini meletakkan hal-hal perancangan di mana Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertindak sebagai Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT). Akta 171 pula lebih kepada tadbir urus PBT. Dalam pada itu juga, Akta 172 juga meletakkan kepentingan perancangan yang sama penting di semua peringkat persekutuan, negeri dan tempatan. Berdasarkan senario dan peruntukan Akta 172, perancang bandar mempunyai peranan yang lebih luas dalam mengerakkan peranan Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN).
- iii. MPFN yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri merupakan satu platform untuk membincang dan menangani isu-isu berkaitan

perancangan dan perbandaran di seluruh Negara. Berdasarkan kepada MPFN yang lepas, sebarang isu perancangan pembangunan dan perbandaran perlu ditangani dan diselaraskan dengan agensi-agensi persekutuan serta kerajaan negeri secara bersama.

B) Kebenaran Merancang Berintegriti Dalam Permohonan Pemajuan:

- i. Di dalam aspek kelulusan perancangan pembangunan, isu-isu kelewatan dalam memberi Kebenaran Merancang dan peletakan syarat-syarat yang kurang wajar perlu segera di atasi. Di samping itu, bilangan pegawai perancang perlu ditambah khusus di PBPT bagi menggalas bebanan tugas yang semakin banyak di samping berhadapan isu perancangan yang semakin mencabar serta tuntutan rakyat yang semakin meningkat.
- ii. YB Menteri juga menarik perhatian terhadap perancang bandar untuk terus meningkat integriti dan ketelusan di dalam memproses permohonan Kebenaran Merancang.
- iii. Selain daripada Rancangan Pemajuan diwartakan, kelulusan-kelulusan Kebenaran Merancang perlu berdasarkan syarat-syarat dan keperluan syarat yang sahih dan relevan perlu diberi perhatian supaya pembangunan yang akan dijalankan dengan menepati keperluan teknikal.
- iv. YB Menteri juga memberi perhatian serius terhadap penyediaan pelan susunatur oleh profesional yang berkeelayakan supaya pelan susunatur disediakan dengan baik dan menepati keperluan perancangan. Secara tidak langsung, tahap integriti kelulusan Kebenaran Merancang dapat dipertingkatkan dan masa memproses dapat dipercepatkan.

C) Pendekatan Baharu Dalam Perancangan:

- i. Memandangkan isu-isu perbandaran yang semakin kompleks, perancang bandar disarankan untuk melihat dan melaksanakan pendekatan-pendekatan baharu dalam pembangunan. Konsep Bandar Pintar, Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD), Bandar Rendah Karbon, Bandar Berdaya Tahan Risiko, Kejiranan Hijau, Bandar Selamat, Bandar Padat dan lain-lainnya akan dikaji dan diteliti melalui penyelidikan dan pembangunan.
- ii. YB Menteri juga menarik perhatian kepada semua pihak berkenaan Akta Perancangan Bandar dan Desa, (Pindaan) 2017 (Akta A1522) mengenai pelaksanaan Penilaian Impak Sosial (SIA) yang telahpun diwartakan di peringkat persekutuan.

- iii. Sehingga kini Jawatankuasa Panel SIA di PLANMalaysia telah pun menilai sebanyak dua puluh empat (24) laporan SIA. Pelaksanaan SIA ini amat berkesan bagi memastikan semua impak sosial yang dijangkakan terhasil daripada perancangan data dan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan atau pembangunan baharu dapat dikenalpasti. Langkah-langkah mitigasi telah diambil kira dalam pelan tersebut dan satu pelan pengurusan impak sosial dirangka secukupnya khusus bagi mengelakkan atau mengurangkan impak negatif dan memaksimumkan impak positif kepada rakyat.

D) Pemantauan Perancangan Berterusan:

- i. Keseluruhan negara, negeri dan kawasan PBPT telah dilengkapkan dengan Rancangan Pemajuan. PLANMalaysia juga telah menyediakan pelbagai Garispanduan Perancangan, inisiatif perancangan dan juga dasar-dasar perancangan untuk dijadikan panduan dalam perancangan pembangunan. Dari aspek audit pemantauan dan pencapaian impak dan outcomenya akan dilakukan secara berkala.
- ii. Pemantauan yang berkesan membolehkan masalah dikenalpasti sebelum ianya mendatangkan kesan buruk dan penjajaran semula boleh di buat. Aktiviti pemantauan ini yang diselaraskan dengan data-data gunatanah dan perbandaran yang diwujudkan di PLANMalaysia sangat penting dalam memperkukuhkan perancangan pada masa hadapan.
- iii. Penanda arasan dengan amalan-amalan terbaik di negara maju hendaklah sentiasa dibuat. Dalam aspek lain, para Perancang Bandar perlu bersedia dengan kemasukan era Industrial Revolution 4.0 melalui penyelesaian perbandaran yang inovatif dan komprehensif.

Sesi Luncheon Talk hari ini diharapkan dapat menyampaikan kepentingan perancangan bandar yang inklusif kepada masyarakat melalui pelaksanaan dasar-dasar kerajaan serta pembangunan baharu ke arah mewujudkan persekitaran bandar dan desa yang berkualiti, sejahtera dan mampan.

Disediakan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat
PLANMalaysia**

